

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 April 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long-term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan patuh Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	100.94
2 Cash, Deposits & Others	-0.94

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM726,651,791.47
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.72877

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	21.29%	20.60%	16.85%	49.80%	46.43%	-13.49%	172.88%
Benchmark / Penanda Aras	12.61%	7.50%	4.98%	30.76%	40.30%	-8.18%	214.02%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	8.68%	13.10%	11.87%	19.04%	6.13%	-5.31%	-41.14%

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 April 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

In April 2026, the intensifying US-Iran conflict continued into its second month. Following the ceasefire between the United States and Iran, equity markets rebounded significantly, with pronounced gains observed among beneficiaries in artificial intelligence infrastructure sectors. China's manufacturing PMI stood at 52.2 in April 2026, maintaining expansion territory and reflecting continued industrial momentum. Industrial profits rose 15.8% year-over-year in March, the fastest pace in six months. Non-PMIs dipped to 49.4 from 50.1 in March on softer Services sentiment. On property stimulus measures, Guangzhou raising housing provident fund loan caps and authorizing hybrid mortgages, joining Shanghai and Shenzhen in efforts to arrest the prolonged property slump. Signs of stabilization emerged, with primary home sale volumes across 30 key cities rising 3% year-on-year in the first 18 days of April. China's top policymakers held the April Politburo. 1Q26 GDP growth reached 5% at the upper bound of this year's "4.5-5%" target. Policy tone from the meeting turned less dovish compared to last December, suggesting that incremental stimulus may become more selective into 2H26. The meeting listed six areas for infrastructure spending, including water networks, new power grids, computing power networks, next generation telecommunications networks, urban underground utility networks, and logistics networks. The meeting also mentioned "bolstering confidence in the capital markets as the CSI300 has merely risen by 2-3% so far this year. Taiwan delivered exceptional economic results in April. 1Q25 GDP expanded 13.69% yoy, the fastest growth since 1987 and exceeding all forecasts. This performance was driven by robust AI-related demand for the island's technology products. 1Q26 exports reached a record \$195.74 billion, surging 51.1% yoy. March shipments alone hit an all-time high of \$80.18 billion, up 61.8% annually, marking the first time monthly exports surpassed the \$80 billion threshold. Tech products accounted for 78.5% of exports. Overall sentiment was also bolstered by emergence of Anthropic's Mythos which helped reignite the bullish AI narrative, with its annualized revenue run-rate (ARR) surging well beyond expectations to \$30bn as of April 6 (vs \$9bn at end-2025). Domestically in China, DeepSeek-V4 further validated domestic compute for large-scale AI models and reinforces the trajectory of domestic substitution. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index rose 14.81% in USD terms in April. Shanghai Shenzhen 300 rose 9.10% in USD terms whilst the MSCI China rose 3.55% and the Hong Kong's Hang Seng index rose 4.08%. Meanwhile, the Taiwan's stock market rose 24.20% in the month. During the month, Fund returned 21.29% outperforming the benchmark by 868 bps in the month. Major contributors included overweight holdings in Taiwanese technology stocks which benefitted from strong performance of AI theme in the month.

Fund Review & Strategy

The Fund remains constructive on China going into the second half of 2026. Overall economic data has shown that China remains resilient against trade frictions and impacts from recent geopolitical escalations. Despite lingering property downturn, softer domestic spending, and global uncertainties, strong exports, are expected to continue supporting strong performance in upstream resource sectors and export-driven mid- to high-end manufacturing. Stronger-than-expected 1Q26 GDP indicates that further stimulus in 2H26 will likely be selective and targeted, consistent with the tone of April's Politburo meeting, rather than aggressive easing. Despite the macroeconomic concerns, institutional and household equity allocations are expected to rise further in 2026, especially if property stabilizes. From an equity allocation perspective, China remains under-owned by both domestic institutional investors and foreign participants, suggesting room for incremental inflows as confidence rebuilds. More importantly, the investment case is increasingly anchored in a potential structural recovery in corporate fundamentals, including rising net profit margins, return on equity, and return on invested capital, supported by policy measures aimed at rationalising competition and improving industry discipline. At the earnings level, revisions breadth for MSCI China—and by extension the A-share universe—has been trending upward since mid-2025, marking the strongest improvement since 2020, despite pockets of pricing pressure in highly competitive segments such as quick commerce. This broad-based improvement in earnings quality and profitability, alongside attractive valuations and still-light positioning, strengthens the case for increasing exposure to onshore equities as the domestic cycle stabilises. China's 15th Five-Year Plan (2026–2030) marks a strategic pivot toward high-quality, innovation-driven growth rather than sheer expansion. Policy emphasis centers on modernizing traditional industries, fostering emerging sectors like AI, quantum technology, green energy, and advanced manufacturing, and achieving greater technological self-reliance amid global supply-chain uncertainties. The plan also prioritizes domestic consumption rebalancing, improved social welfare, and industrial resilience, while maintaining a strong focus on sustainability and carbon peak goals before 2030. Risks include heightened geopolitical tensions and trade tensions. Markets are closely monitoring the upcoming high-level meeting between the US and China, which could influence policy direction and investor sentiment in the months ahead. Fund remains positive on AI thematic as strong global AI infrastructure capex growth in both Taiwan and China. This is supplemented by holdings in names in the ESS supply chain, renewables, innovative drugs, and high-end manufacturing (automation & robotics).

Tinjauan Bulanan

Pada April 2026, konflik AS-Iran yang menyengit memasuki bulan kedua. Susulan gencatan senjata antara Amerika Syarikat dan Iran, pasaran ekuiti pulih begitu ketara, dengan keuntungan besar dalam kalangan penerima manfaat dari sektor infrastruktur kecerdasan buatan. PMI pembuatan China mencatat 52.2 pada April 2026, mengekalkan wilayah pengembangan dan mencerminkan momentum perindustrian yang berterusan. Keuntungan perindustrian meningkat 15.8% tahun ke tahun pada Mac, kadar terpanas dalam tempoh enam bulan. Indeks Bukan PMI menyusut kepada 49.4 daripada 50.1 pada Mac berikutan sentimen Perkhidmatan yang lebih lemah. Meninjau langkah rangsangan hartanah, Guangzhou menyertai Shanghai dan Shenzhen dalam usaha untuk menghentikan kemerosotan hartanah yang berpanjangan dengan menaikkan had pinjaman dana simpanan perumahan dan membenarkan gadaai janji hibrid. Tanda-tanda penstabilan mula kelihatan, dengan jumlah jualan rumah pasaran utama di 30 bandar utama meningkat 3% tahun ke tahun dalam 18 hari pertama bulan April. Penggubal dasar terulung China membentangkan Politburo April. Pertumbuhan KDNK 1Q26 mencapai 5% had sasaran batas atas "4.5-5%" tahun ini. Nada dasar dalam mesyuarat tersebut kedengaran tidak sebegitu lembut berbanding Disember yang lalu, menunjukkan bahawa rangsangan tambahan mungkin menjadi lebih selektif sebaik memasuki separuh kedua 2026. Mesyuarat itu menyenaraikan enam bidang untuk perbelanjaan infrastruktur, termasuk rangkaian air, grid kuasa baharu, rangkaian kuasa pengkomputeran, rangkaian telekomunikasi generasi akan datang, rangkaian utiliti bawah tanah dalam bandar dan rangkaian logistik. Mesyuarat itu juga menyebut tentang "meningkatkan keyakinan dalam pasaran modal memandangkan CSI300 hanya meningkat 2-3% setakat tahun ini. Taiwan mencatatkan keputusan ekonomi luar biasa pada April. KDNK 1Q25nya berkembang 13.69% tahun ke tahun (YoY), pertumbuhan terpanas sejak 1987 dan melangkaui semua ramalan. Prestasi ini didorong oleh permintaan berkaitan AI yang teguh ke atas produk teknologi pulau tersebut. Eksport 1Q26nya mencecah rekod USD195.74 bilion, melonjak 51.1% YoY. Penghantaran Mac sahaja mencecah paras tertinggi sepanjang masa iaitu USD80.18 bilion, meningkat 61.8% setiap tahun, menandakan kali pertama eksport bulanannya melepasi ambang USD80 bilion. Produk teknologi menyumbang 78.5% daripada eksport. Sentimen keseluruhan juga disokong oleh kemunculan Mythos Anthropic yang membantu menghidupkan semula naratif AI yang menaik, dengan unjuran jumlah pendapatan tahunan (ARR) melonjak jauh melebihi jangkaan kepada USD30 bilion pada 6 April (berbanding USD9 bilion pada akhir 2025). Meninjau perkembangan dalam negara di China, DeepSeek-V4 mengesahkan lagi pengiraan domestik untuk model AI berskala besar di samping mengukuhkan trajektori penggantian domestik. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market meningkat 14.81% dalam terma USD pada April. Shanghai Shenzhen 300 menokok 9.10% dalam terma USD manakala MSCI China naik 3.55% dan indeks Hang Seng Hong Kong meningkat 4.08%. Sementara itu, pasaran stok Taiwan naik 24.20% pada bulan tersebut. Pada bulan ini, Dana menjana pulangan 21.29% mengatasi penanda aras sebanyak 868 mata asas. Penyumbang utama termasuk pegangan berlebihan dalam stok teknologi Taiwan yang mendapat manfaat daripada prestasi kukuh tema AI pada bulan tersebut.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana kekal berpandangan konstruktif terhadap China menjelang separuh kedua tahun 2026. Data ekonomi keseluruhan menunjukkan bahawa China tetap mampan mendepani pergeseran perdagangan dan kesan daripada peningkatan geopolitik baru-baru ini. Walaupun kemerosotan hartanah berlarutan, namun perbelanjaan domestik yang lebih perlahan seiring ketidakpastian global, di samping eksport yang kukuh dijangka terus menyokong prestasi kukuh dalam sektor sumber hulu dan pembuatan berpacu eksport pertengahan hingga tinggi. KDNK 1Q26 yang lebih kukuh daripada jangkaan menunjukkan

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 April 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2026 melainkan jika dinyatakan

bahawa rangsangan lanjut pada separuh kedua 2026 berkemungkinan besar akan bersifat selektif dan disasarkan, selaras dengan nada mesyuarat Politburo pada April, dan bukannya pelonggaran yang agresif. Meskipun terdapat kebimbangan makroekonomi, peruntukan ekuiti institusi dan isi rumah dijangka akan meningkat lagi pada tahun 2026, terutamanya jika hartanah stabil. Dari perspektif peruntukan ekuiti, China kekal kurang dimiliki oleh pelabur institusi domestik dan peserta luar negara, lalu menyediakan ruang untuk pertambahan aliran masuk apabila keyakinan terbina semula. Lebih penting lagi, kes pelaburan semakin bertaut dengan potensi pemulihan struktur asas korporat, termasuk peningkatan margin keuntungan bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas modal yang dilaburkan, disokong oleh langkah-langkah dasar yang bertujuan untuk merasionalisasikan persaingan di samping meningkatkan disiplin industri. Pada tahap pendapatan, keluasan semakan MSCI China — dan seterusnya ruang lingkup saham-A — telah menunjukkan trend menaik sejak pertengahan 2025, menandakan peningkatan terkuat sejak 2020, meskipun terdapat tekanan harga dalam segmen yang sangat kompetitif seperti perdagangan pantas. Penambahbaikan kualiti dan keuntungan pendapatan secara meluas ini, di samping penilaian yang menarik dan kedudukan pegangan yang masih rendah, menguatkan kes untuk meningkatkan pendedahan kepada ekuiti dalam negeri apabila kitaran domestik menjadi stabil. Rancangan Lima Tahun ke-15 China (2026–2030) menandakan pivot strategik ke arah pertumbuhan berkualiti tinggi yang didorong oleh inovasi dan bukannya kilauan pengembangan semata-mata. Penekanan dasar tertumpu pada pemodenan industri tradisional, memupuk sektor membangun seperti AI, teknologi kuantum, tenaga hijau dan pembuatan canggih, di samping mencapai kemandirian teknologi yang lebih perkasa di tengah-tengah ketidakpastian rantaian bekalan global. Rancangan ini juga mengutamakan pengimbangan semula penggunaan domestik, penambahbaikan kebajikan sosial dan daya tahan perindustrian, sambil mengekalkan tumpuan yang jitu terhadap kemampanan dan matlamat puncak karbon sebelum 2030. Risiko mencakupi ketegangan geopolitik yang memuncak. Pasaran sedang memantau rapat mesyuarat peringkat tinggi antara AS dan China tidak lama lagi, yang boleh mempengaruhi hala tuju dasar dan sentimen pelabur dalam beberapa bulan mendatang. Dana kekal positif ke atas tema AI kerana pertumbuhan capex infrastruktur AI global yang teguh telah memperkasakan Taiwan dan China. Ia dikuatkan lagi dengan pegangan dalam saham rantaian bekalan ESS, tenaga boleh diperbaharui, ubat inovatif dan pembuatan canggih (automasi & robotik).

Source / Sumber: Fund Commentary, April 2026, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL